

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN WONG CHEN [SUBANG]

TARIKH : 8 OKTOBER 2019 (SELASA)

SOALAN

TUAN WONG CHEN [SUBANG] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan :-

- a) pendirian Kementerian mengenai kelaziman kawalan media besar oleh parti-parti politik dan/atau syarikat -syarikat yang dikaitkan dengan parti-parti politik; dan
- b) apa strategi dan polisi untuk memastikan kepelbagaian media yang lebih besar di Malaysia

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bidang kuasa Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) hanyalah ke atas organisasi media yang dimiliki oleh pemegang lesen di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM). Akta ini tidak menetapkan sebarang syarat untuk permohonan lesen berdasarkan pemilikan oleh parti politik atau sebaliknya. Mana-mana pemilik media boleh memohon untuk mendapatkan lesen tertakluk kepada peruntukan AKM dan Kod Kandungan. Pada masa ini, tidak ada undang-undang yang menghalang

SOALAN NO : 34

parti politik daripada mempunyai pemilikan sama ada dari segi saham majoriti mahupun pengurusan dalam media;

2. Manakala lesen bagi media bercetak tidak tertakluk di bawah peruntukan di bawah AKM98. Maklumat lebih lanjut boleh dirujuk kepada pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN).

3. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang pelanggaran terhadap syarat lesen, Kod Kandungan atau mana-mana peruntukan undang-undang Negara, tindakan sewajarnya boleh diambil oleh agensi penguatkuasaan yang berkenaan;

4. Kementerian ini juga melalui Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen), sentiasa bertindak dalam menjalinkan hubungan media yang akrab antara pihak kerajaan dengan media tempatan dan antarabangsa dengan melaksanakan pelbagai aktiviti pengukuhan media; dan

5. Bagi tujuan memastikan kepelbagaian media yang lebih besar di Malaysia, JaPen telah mengambil inisiatif dengan manaiktaraf sistem Kad Perakuan Media Jabatan Penerangan Malaysia bagi memperluaskan permohonan Kad Perakuan Media secara online kepada agensi media tempatan dan antarabangsa. JaPen turut menjalin kerjasama strategik dengan *Malaysian Press Institute* (MPI) dan Institut Penyiaran dan Penerangan Tun Abdul Razak (IPPTAR) dalam menjalankan kursus-kursus kewartawanan untuk media arus perdana dan juga media sosial.